



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

18 DISEMBER 2017

1. Ikon Contoh; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
☐ BERITA HARIAN	☐ THE MALAY MAIL	☐ BERITA HARIAN	☐ THE MALAY MAIL
☐ UTUSAN MALAYSIA	☐ THE STAR	☐ UTUSAN MALAYSIA	☐ THE STAR
☐ SINAR HARIAN	☐ KOSMO	☐ SINAR HARIAN	☐ KOSMO
☒ HARIAN METRO	☐ NEW STRAIT TIME	☐ HARIAN METRO	☐ NEW STRAIT TIME
☐ THE SUN	☐ SUNDAY STAR	☐ THE SUN	
RUANGAN : Setempat M/SURAT: 12		RUANGAN :	
PERKARA			
☐ DASAR JABATAN	☐ IMPORT EKSPORT	☐ SISTEM KUALITI	☒ PELBAGAI
☐ KESIHATAN AWAM	☐ KAWALAN PENYAKIT	☐ PENGUATKUASAAN	
☐ KEBAJIKAN HAIWAN	☐ TEKNOLOGI VETERINAR	☐ ADUAN	
TARIKH 18 Disember 2017			



HARIAN METRO

Ikon contoh

ternak kambing

MUHAMMAD
Hariz bersempoa ternak kambing baka Saanen.

Nazdy Hanan
am@hmetro.com.my

Pernaisuri

Minat dan kesungguhan seorang pemuda mencetuskan diri dalam bidang penternakan kambing susu sejak tujuh tahun lalu kini membuahkan hasil hingga mendapat pengiktirafan kerajaan.

Pemilik Kaprima Hulu Selang, Muhammad Hariz Nordin, 31, yang diiktiraf Anugerah Penternak Jaya Kebangsaan 2016 dan Anugerah Ikon Ternak 2016, selepas mengusahakan ladang seluas 20 hektar dengan memelihara 535 kambing susu.

Dia turut mengusahakan sebuah lagi ladang kambing yang diberi nama Kaprima Mengahang Bakong dengan keluasan 20 hektar dan sebanyak 110 kambing ditanam di situ.

Pada mulanya saya menerima tawaran mengusahakan ladang ini daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan selepas memikirkan peluang itu saya mengusahakannya dengan modal RM800,000.

"Di ladang Kaprima Hulu

Kesungguhan tanpa kenal penat bolehkan lelaki bela 535 baka Saanen

Seladang, saya menempatkan kambing baka Saanen kacukan manakala di ladang Kaprima Mengahang Bakong pula baka Saanen asli.

Jika diikutkan ternakan itu mampu menghasilkan 150 liter susu sehari, tetapi kekangan mesin berteknologi tinggi menyebabkan susu hanya dihasilkan kira-kira 30 hingga 50 liter sehari," katanya.

Muhammad Hariz yang juga lulusan Ijazah bidang Kejuruteraan Elektronik dari Universiti Of Sunderland, United Kingdom berkata, dia berusaha mengatasi masalah itu dan akan membina sebuah pusat pengumpulan susu dilengkapi mesin terkini menjelang awal tahun depan dengan kos RM1 juta termasuk modal pusingan.

Katanya, dia mempunyai rakan kongsi dari Arab Saudi dan sebagai langkah permulaan susu yang dihasilkan dipasarkan ke seluruh negara sebelum diperluaskan ke Timur Tengah.

Buat masa ini, susu yang dihasilkan hanya dijual untuk pasaran dalam negeri termasuk Kuala Lumpur, namun selepas siap sepenuhnya, penusangan mesin memproses susu di ladang Kaprima Hulu Selang membolehkan dia meneroka pasaran lebih luas.

"Saya bekerjasama dengan 20 penternak tempatan yang akan membekalkan sekurang-kurangnya 20 liter susu sehari untuk diproses bagi memenuhi permintaan susu pada masa depan," katanya.

Menurutnya, dia turut mempelbagaikan perusahaannya dengan menghasilkan produk hiliran seperti sabun susu kambing kerana potensi serta pasaran produk berkenaan amat luas untuk diceburi golongan muda di negara ini.

Menurutnya, walaupun potensi perniagaan ini besar, namun cabaran mengusahakan ladang ternakan itu tidak kurang hebatnya termasuk berdepan masalah kambing dicuri.

"Bagi saya setiap cabaran perlu dilalui dengan tabah dan bangkit meneruskan usaha yang diilhamkan bagi mengelak ia terhenti separuh jalan.

"Walaupun bukan mudah untuk berjaya, saya tekad dengan impian menjadi penternak berjaya terutama selepas melihat kejayaan hati ini," katanya.

FAKTA
Muhammad Hariz diiktiraf Anugerah Penternak Jaya Kebangsaan 2016 dan Anugerah Ikon Ternak 2016.




MUHAMMAD
Hariz memulakan usahanya dengan memelihara 50 kambing.

MUHAMMAD
Hariz telah menerima Anugerah Penternak Jaya Kebangsaan 2016 dan Anugerah Ikon Ternak 2016.

